

MPOB LANCAR 25 TEKNOLOGI BARU

KANDUNGAN

- MPOB Lancar 25 Teknologi Baru 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Sudut Teknologi - Integrasi Keledek dengan Sawit 4
- Kenalilah... Tanaman Integrasi Sesuai di Tanah Gambut 7
- Kuiz Sawit 9
- Sudut Kreatif Sawit 10
- Sembang Sawit 10
- Sedutan Akhbar 11
- Tahukah Anda? 13
- Berita Bergambar 14
- Diari & Peristiwa 18
- Profil Komoditi 20
- Peladang Jaya 22
- Direktori MPOB 24
- Senarai Tapak Semaian yang Mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC) 34

Produk dan perkhidmatan yang diiklankan dalam penerbitan ini tidak menyatakan sokongan MPOB.



Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) (kiri) melancarkan produk baja bio-organik TKJ-Organiplus sempena Seminar Pemindahan Teknologi (ToT) MPOB. Turut kelihatan En Stephen James dari MPVT (Pasir Gudang) Sdn Bhd (dua dari kiri); Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB; En M Nagarajan, Timbalan Ketua Setiausaha KPPK dan Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB.



Seminar Pemindahan Teknologi (ToT) MPOB 2011 (MPOB Transfer of Technology 2011) telah berlangsung pada Khamis, 23 Jun 2011 di Dewan Sawit, Ibu Pejabat MPOB.

Sebanyak 25 teknologi dan 14 perkhidmatan ditawarkan untuk dikomersialkan oleh usahawan dan industri. Teknologi yang dilancarkan meliputi industri perladangan, industri pengilangan dan pemprosesan, industri berasaskan kayu, industri oleokimia, industri pemakanan, teknologi hijau dan nutraseutikal. Di antara teknologi dan perkhidmatan yang diperkenalkan ialah baja bio-organik, pengawalan *Ganoderma*, pengawalan hama/kutu di tanah gambut, mekanisasi ladang, tanaman integrasi di ladang sawit, perangkap biogas, teknologi tenaga hijau, teknologi pemprosesan dan penapisan minyak dan formulasi oleokimia berasaskan sawit.

Semenjak 1995 hingga kini, MPOB telah berjaya menghasilkan sebanyak 500 teknologi dan produk yang sedia untuk dikomersialkan.

Seminar ini telah dirasmikan oleh Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia. Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa penganjuran seminar tahunan ini merupakan

Bersambung ke muka surat 2

Sidang Pengarang

PENASIHAT
Datuk Dr Choo Yuen May

PENGERUSI
Hj Ahmad Sidek Stroo

TIMBALAN PENERUSI
Hj Idriz Omar

KETUA PENYUNTING
Hj Hamdan Abu Bakar

PENYUNTING
Hj Ahmad Tarmizi Mohammed
Hj Wahid Omar
Hj Suboh Ismail
Dr Siti Ramlah Ahmad Ali
Dr Ahmad Tarmizi Hashim
Ab Aziz Md Yusof
Hj Che Johari Mamat
Hj Mohd Azmi K Ismail
Mazlan Mustaffa
Noor Asmawati Abd Samad

SETIAUSAHA
Nur Hanani Mansor

Sambungan dari muka surat 1

landasan penting kepada MPOB dalam membantu dan menggalakkan penggunaan dan pengkomersialan teknologi dan inovasi industri sawit. Sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam pembangunan teknologi industri sawit negara, MPOB telah berusaha memajukan penyelidikannya dengan menghasilkan teknologi yang memenuhi keperluan industri dan permintaan pasaran produk berasaskan sawit. Beliau juga memaklumkan bahawa beberapa teknologi yang diperkenalkan semasa seminar ini telah diterima pakai oleh industri dan sebahagian lagi sedia untuk dikomersialkan. Kesediaan dan komitmen industri dalam penerimaan teknologi dan inovasi baru akan meningkatkan lagi prestasi industri dan menyumbang kepada transformasi industri sawit sebagai sektor yang dinamik dan berdaya saing.

Terdahulu, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB dalam ucapan aluannya berkata, seminar ini merupakan saluran strategik dalam memperkenalkan teknologi baru kepada

Bersambung ke muka surat 3



DARI MEJA

KETUA PENYUNTING

Industri sawit merupakan salah satu sektor penjana utama ekonomi negara dan telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara sejak 1970-an. Industri ini terus berkembang dengan penambahan pengeluaran seiring dengan penambahan keluasan tanaman. Hakikatnya, golongan yang terlibat memajukan industri ini khususnya sektor pekebun kecil kebanyakannya terdiri daripada mereka yang telah berumur melebihi 40 tahun. Penglibatan golongan belia dalam bidang kerjaya ini amat rendah dan sekiranya ada, mereka terdiri daripada pekerja asing.

Statistik penduduk Malaysia pada 2008 menunjukkan jumlah penduduk Malaysia yang berumur antara 15 hingga 40 tahun adalah seramai 11.2 juta orang atau 41% daripada jumlah penduduk iaitu 27.2 juta orang. Kumpulan ini juga diistilahkan sebagai golongan belia yang merupakan aset negara yang berpotensi tinggi menyumbang ke arah pembangunan negara ke tahap yang lebih tinggi termasuk dalam sektor industri sawit.

Persoalannya, mengapakah tidak ramai belia tempatan menceburi sektor industri sawit untuk kerjaya mereka. Antara faktor penyumbang ialah para belia melihat kerjaya di ladang sawit sebagai tidak glamour, kerja yang berat, kotor dan pelbagai persepsi negatif yang lain. Oleh itu, MPOB telah mengambil langkah mendidik dan membimbing belia dan seterusnya menggalakkan mereka menceburkan diri dalam sektor sawit sebagai pelapis pekerja di masa hadapan.

Antara langkah yang telah diambil ialah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia (KPPK) telah membangunkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) bertujuan membangunkan sumber manusia untuk keperluan industri sawit. Salah satu program anjuran MPOB ialah Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) yang memberikan latihan khusus dalam pengendalian mekanisasi dan jentera sawit. Sejak dilancarkan pada 2009, seramai 419 pelatih telah berjaya menamatkan kursus mereka. Sebahagiannya telah bekerja dan menunggu tawaran kerja di ladang sawit. Kursus ini diadakan sebanyak dua kali setahun dan kos pengajian dibiayai sepenuhnya MPOB. Selain

Bersambung ke muka surat 3

Sambungan dari muka surat 2

itu, terdapat beberapa lagi kursus yang telah dan sedang dijalankan oleh MPOB sepanjang tahun khusus untuk golongan belia seperti Diploma in Palm Oil Milling Technology and Management (DIPOM) dan Intensive Diploma in Oil Palm Management and Technology (IDOPMT).

Penglibatan para belia dalam industri sawit amat penting kerana mereka adalah golongan pelapis yang akan menggerakkan industri sawit negara pada masa hadapan. Belia perlu segera mengambil peluang yang telah disediakan oleh kerajaan bagi menjadikan mereka warga yang berilmu yang menyumbang ke arah pembangunan negara.

Sambungan dari muka surat 2

Teknologi yang diperkenalkan ini dapat diguna pakai oleh pekebun kecil sawit sama ada bagi meningkatkan pendapatan sampingan atau mengawal serangan penyakit dan perosak pokok sawit.

Selain itu, bersempena dengan Seminar ToT 2011 ini, MPOB melancarkan produk *TKJ Organiplus-Enhanced Bio Organic Fertiliser from palm oil refinery waste* dan buku *Life Cycle Assesment (LCA)*. MPOB turut menandatangani perjanjian bersama *All Cosmos Bio-Tech Holding Corporation (ACBT)* bagi teknologi *Co-active biofertiliser containing fungal GanoEFI for controlling Ganoderma in oil palm* dan *Nafas Jentera Sdn Bhd* bagi pengeluaran dan pemasaran *Cantas™*. Para peserta seminar juga berpeluang melawat gerai pameran dan bertukar pandangan dengan pegawai penyelidik yang menghasilkan teknologi tersebut.



Tan Sri Bernard Dompok, Menteri KPPK (tengah) melawat tapak pameran Seminar ToT diiringi oleh (dari kiri) Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB dan Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB (kanan) sambil taklimat disampaikan oleh Pegawai Penyelidik MPOB (baju putih).

masyarakat yang berminat dalam perniagaan berasaskan teknologi sawit. MPOB menyediakan peluang perniagaan kepada mereka yang terlibat dalam industri kecil dan sederhana untuk menceburi bidang pengkomersialan teknologi sawit mengikut kemampuan kewangan masing-masing.

Seminar pada tahun ini juga memperkenalkan beberapa teknologi baru yang sesuai diguna pakai oleh pekebun kecil sawit. Antara teknologi tersebut ialah integrasi foraj sorgum dengan sawit, serbuk *Pseudomonas GanoEB3* dan granul *Hendersonia GanoEF1* untuk mengawal *Ganoderma boninense* pada pokok sawit, baja bio organik dan perangkap lekat untuk memerangkap ulat bungkus, *Metisa plana* di ladang sawit.

MPOB sentiasa menggalakkan para peserta seminar khususnya ahli industri, usahawan dan syarikat Malaysia merebut peluang daripada Seminar ToT ini dengan mengguna pakai dan mengkomersialkan penemuan penyelidikan dan teknologi inovatif yang diperkenalkan oleh MPOB.



Sumbangan:
Dr Hjh Zainon Mat Sharif
(zainon@mpob.gov.my)

SUDUT TEKNOLOGI

INTEGRASI KELEDEK DENGAN SAWIT

Teknologi integrasi tanaman dengan sawit adalah kaedah yang baik untuk memaksimumkan penggunaan tanah di ladang sawit sekaligus menjana pendapatan tambahan kepada penanam sawit. Ia sesuai dilaksanakan ketika sawit masih muda (1-3 tahun lepas tanam) dan sesuai dijalankan di kawasan sawit matang yang ditanam mengikut kaedah tanaman sawit dua baris. Pelbagai tanaman didapati sesuai diintegrasikan dengan sawit terutamanya jenis tanaman jangka pendek.

Keledek adalah tanaman kontan yang didapati sesuai untuk diintegrasikan dengan sawit (*Rajah 1*). Tanaman keledek mempunyai kesesuaian iklim dan tanah yang agak meluas. Keadaan iklim dan tanah di kawasan sawit sesuai untuk pertumbuhan serta pengeluaran hasil ubi keledek yang baik. Integrasi keledek di kawasan sawit dapat dilaksanakan sebanyak dua hingga tiga pusingan setahun.



putar. Selepas membajak putar, batas yang sesuai perlu dibuat sama ada dengan kaedah manual atau mekanikal. Bagi tanah yang berpasir, baja organik digaul ke dalam batas 3-4 hari sebelum menanam. Kadar baja organik yang disyorkan adalah sebanyak 5-10 t/ha.

Keledek ditanam di atas batas bagi mendorong penghasilan ubi keledek yang baik. Saiz batas mestilah berukuran 60-90 cm lebar dan 30-40 cm tinggi mengikut kultivar keledek yang ditanam. Bagi kultivar berubi kecil, lebar batas yang disyorkan ialah 60 cm. Manakala bagi kultivar jenis berubi besar, lebar batas yang disyorkan ialah 90 cm.

Sehari sebelum menanam, racun pracambah seperti *Metolachlor* atau *Alachlor* disemburkan pada batas keledek bagi mengawal pertumbuhan rumpai. Kemudian rumpai dikawal secara manual menggunakan tajak atau cangkuk ketika pokok berumur 31 dan 56 hari selepas tanam. Biasanya, pertumbuhan rumpai akan berkurangan apabila keledek sudah menjalar dan menutupi batas.

Keledek ditanam dengan menggunakan keratan pucuk yang matang (berumur lebih dua bulan). Panjang keratan ialah 30 cm dan diambil daripada tanaman keledek yang sihat. Keratan pucuk direndam dalam larutan racun *karbaril* pada kadar 15 g/10 liter air selama 10-15 min sebelum ditanam ke ladang. Keratan pucuk keledek ditanam di atas batas dengan sudut 45° pada kedalaman 15-20 cm. Keledek berubi kecil ditanam pada jarak 25 cm x 90 cm (44 444



Rajah 1. Integrasi keledek di kawasan sawit muda (kiri) dan sawit matang (kanan).

Bagi melaksanakan integrasi keledek, tanah di antara barisan sawit dibajak sebanyak tiga pusingan (dua pusingan membajak piring dan satu pusingan membajak putar). Pengapuran pada kadar 2.5 t/ha dilaksanakan sekurang-kurangnya dua minggu sebelum membajak

keratan/ha). Manakala keledek berubi besar pula ditanam pada jarak 30 cm x 120 cm (27 777 keratan/ha).

Seminggu selepas menanam, baja sebatian jenis NPK 12:12:17:2 ditabur di dalam alur yang

Sambungan dari muka surat 4

dibuat bersebelahan baris keledak. Ia juga boleh diletakkan di dalam lubang yang dibuat di ruang antara keratan keledak di atas batas. Kadar baja yang disyorkan ialah 200 kg/ha. Pembajaan kedua juga menggunakan jenis dan kuantiti baja yang sama. Kali ini baja ditabur di atas batas ketika tanaman keledak berumur 32 hari selepas tanam.

Jalar-jalar keledak hendaklah diangkat sebanyak dua kali bagi setiap penanaman. Ketika mengangkat jalar pastikan kecederaan pokok adalah minimum supaya pertumbuhan pokok tidak terganggu. Masa yang sesuai untuk aktiviti mengangkat jalar ini adalah ketika tanaman keledak berumur 30 dan 55 hari selepas tanam. Kaedah ini dapat menghalang pembentukan ubi-ubi kecil pada jalar keledak yang bersentuhan dengan tanah (*Rajah 2*).



ladang. Langkah-langkah lain kawalan perosak dan penyakit yang boleh dilaksanakan adalah dengan mengamalkan penanaman bergiliran dan menjaga kebersihan kebun.

Keledak matang selepas 3-4 bulan ditanam di ladang bergantung kepada kultivar dan juga keadaan cuaca. Hasil ubi adalah rendah jika dituai terlalu awal. Jika lewat dituai, ubi-ubi akan menjadi berserat, rasanya kurang sedap dan mudah diserang oleh kumbang pengorek ubi serta penyakit reput ubi. Ubi keledak yang matang akan mengeluarkan cairan yang tidak mudah berubah warna kehitaman apabila dipotong. Tanaman keledak yang matang digali dengan cermat untuk mengelakkan kecederaan pada ubi keledak. Ubi keledak yang telah dituai dikeringkan di ladang supaya kulit ubi menjadi keras. Ubi disimpan di tempat teduh yang terbuka agar sentiasa kering bagi mengelakkan jangkitan penyakit reput ubi.



Rajah 2. Mengangkat jalar (kiri) dan ubi yang baik terbentuk pada bahagian pangkal keledak (kanan).

Perosak tanaman keledak yang utama adalah kumbang belalai (*Cylas formicarius*). Ia mengorek dan membiak di dalam ubi keledak. Kualiti ubi yang diserang akan terjejas sehingga hasil ubi tiada nilai pasaran. Kawalan dilakukan dengan menabur racun yang mengandungi bahan aktif *Carbofuran* seperti Furadan[®] semasa menanam pada kadar 1.5 kg/ha bahan aktif. Ulat pengorek batang (*Omphisa anastomosalis*) mengorek batang utama hingga ke bahagian jalar keledak dan kadangkala hingga ke bahagian ubi keledak (*Rajah 3*). Sembur racun yang mengandungi bahan aktif *Lambda cyhalothrin* seperti Karate[®] pada bahagian pangkal pokok (2-3 semburan). Perosak lain yang penting ialah tikus. Letakkan racun tikus seperti *Brodifacoum* ketika tanaman keledak berumur dua bulan selepas ditanam ke

Hasil ubi keledak bergantung kepada beberapa faktor seperti kultivar, keadaan cuaca, kesuburan tanah dan pengurusan tanaman. Purata hasil ubi keledak integrasi dengan sawit yang ditanam di tanah mineral adalah sebanyak 11 t/ha/musim. Anggaran kos penanaman ialah RM 4950/ha/musim. Kos penanaman dapat dijimatkan bagi musim berikutnya kerana benih keledak boleh didapati daripada tanaman sebelumnya. Pada tahap hasil 11 t/ha dan harga jualan ladang RM 1.00/kg, integrasi keledak dengan sawit akan memberikan pendapatan kasar sebanyak RM 11 000/ha/musim. Apabila ditolak dengan kos pengeluaran sebanyak RM 4950.00, pulangan bersih ialah RM 6050.00/ha/musim.

Bersambung ke muka surat 6

Sambungan dari muka surat 5



Rajah 3. Najis ulat pengorek batang pada pangkal keledak (kiri) dan ulat pengorek batang di dalam pangkal keledak (kanan).

Keledak mempunyai potensi yang besar sebagai tanaman selingan di kawasan tanaman sawit. Penanaman keledak sebagai tanaman selingan dengan sawit adalah berdaya

maju dari aspek teknikal dan ekonomi. Ia dapat menjana pendapatan sampingan yang baik kepada penanam sawit. Oleh itu, teknologi ini sesuai untuk digunakan pakai oleh penanam sawit.



Sumbangan:
Raja Zulkifli Raja Omar
(rajazul@mpob.gov.my)

Sudut Renungan

Dunia Sebagai Tempat Berdagang

Rasulullah saw bersabda yang bermaksud:


“Hendaklah engkau jadikan dunia ini seolah-olah berdagang di negeri orang atau sebagai orang yang melintasi jalan.” Ibnu Umar ra berkata, “Jika kamu berada waktu petang, janganlah kamu tangguh sehingga waktu pagi, dan jika kamu berada waktu pagi janganlah kamu tangguh sehingga waktu petang. Rebutlah kesempatan sewaktu kamu berada dalam keadaan sihat, sebagai persediaan waktu engkau sakit dan ketika engkau masih hidup sebagai bekalan ketika engkau mati.”

(Hadis riwayat Al-Bukhari)

KENALILAH... TANAMAN INTEGRASI SESUAI DI TANAH GAMBUT

Tanah gambut diklasifikasikan sebagai tanah bermasalah kerana sifat fizikal dan kimia tanahnya yang kurang sesuai untuk pertanian. Secara semulajadi, tanah ini mempunyai paras air yang tinggi dan terendam air. Kandungan utamanya adalah sisa tumbuhan yang belum reput sepenuhnya (*Rajah 1*). Ia mempunyai pH tanah yang rendah dan menyebabkan ketersediaan nutrien juga rendah. Tanah gambut juga kekurangan nutrien sama ada makro atau mikro serta pelbagai masalah lain lagi.

Walaupun begitu, tanah gambut masih berpotensi untuk dimajukan dengan aktiviti pertanian yang sesuai. Kekurangan tanah mineral untuk pertanian pada masa kini telah menyebabkan penerokaan tanah gambut. Penanaman sawit khususnya, telah berkembang pesat di tanah gambut di negeri seperti Johor, Selangor dan Sarawak. Melalui melaksanakan kaedah pengurusan ladang yang khusus, penanaman sawit di tanah gambut didapati praktikal dan berdaya saing. Kebanyakan penanaman sawit di tanah gambut diusahakan di tanah yang telah diteroka atau kawasan hutan yang telah ditebang. Harga komoditi sawit yang baik berbanding tanaman lain, telah mendorong pemilik tanah gambut menanam sawit.



Rajah 1. Paras air yang tinggi dan sisa tumbuhan sebagai kandungan utama tanah gambut.

Bagi penanam sawit yang inovatif, di samping menanam sawit mereka juga mengusahakan tanaman selingan di antara baris ketika sawit masih muda (*Rajah 2*).



Rajah 2. Integrasi ubi kayu di kawasan sawit muda yang ditanam di tanah gambut.

Kawasan kosong di antara pokok sawit ditanam dengan tanaman yang sesuai sama ada untuk tujuan komersial atau kegunaan sendiri. Pertumbuhan dan pengeluaran hasil tanaman selingan adalah memuaskan terutamanya jika integrasi tanaman ini diusahakan di tanah gambut yang matang dan cetek. Jika dilaksanakan dengan sistematik, integrasi tanaman dapat memberikan pendapatan tambahan yang lumayan kepada penanam sawit sementara menunggu tanaman sawit mula berhasi.

Terdapat pelbagai jenis tanaman yang diintegrasikan dengan sawit di tanah gambut oleh pekebun kecil. Jenis tanaman umbisi adalah antara yang popular di kalangan pekebun kecil seperti ubi kayu, keledak dan keladi. Tanaman umbisi mempunyai kelebihan

Sambungan dari muka surat 7

berbanding tanaman lain kerana sifat tanah gambut yang tinggi kandungan bahan organik sebenarnya membantu proses pembentukan dan penghasilan ubi tanaman umbisi ini. Di samping itu, tekstur tanah gambut yang longgar amat membantu dalam aktiviti penuaian hasil khasnya untuk tanaman ubi kayu. Kerja penuaian hasil ubi kayu menjadi mudah dan kos penuaian juga agak rendah berbanding di tanah mineral.

Tanaman lain yang juga popular diintegrasikan dengan sawit ialah nanas dan pisang (Rajah 3). Pelbagai jenis nanas ditanam pekebun kecil sawit di tanah gambut seperti *Moris*, *N36*, *Gandul*, *Josapine* dan *Yankee*. Tanaman nanas ini sememangnya tahan dengan sifat tanah gambut yang masam. Prestasi pertumbuhan pokok dan pengeluaran hasil nanas di tanah gambut adalah memuaskan. Manakala jenis pisang yang sering diintegrasikan dengan sawit di tanah gambut ialah pisang berangan dan tanduk. Selain itu, tanaman jangka pendek lain yang diusahakan pekebun kecil sawit di tanah gambut termasuklah jagung manis, kacang tanah dan juga pelbagai jenis sayuran (Rajah 4).



Rajah 3. Integrasikan nanas *Moris* (atas) dan integrasi pisang berangan (bawah) yang diusahakan di kawasan sawit tanah gambut.



Rajah 4. Integrasikan tanaman keladi (atas) dan jagung manis (bawah) dengan sawit muda.

Walaupun pelbagai jenis tanaman boleh diintegrasikan dengan sawit, beberapa aspek penting perlu diambil kira dalam melaksanakan projek integrasi tanaman di tanah gambut. Ini penting bagi memastikan pertumbuhan dan pengeluaran hasil tanaman integrasi adalah baik. Penanam sawit perlu memastikan, prestasi tanaman utama iaitu sawit tidak terjejas dari segi aspek pertumbuhan dan pengeluaran hasil dan yang paling penting adalah memastikan semua hasil tanaman yang dikeluarkan dapat dipasarkan dengan harga yang baik serta memberikan keuntungan yang tinggi.

Aspek paling penting yang perlu diberi perhatian dalam mengusahakan tanaman integrasi ialah pengurusan air di ladang. Paras air di ladang dikawal dengan membina parit yang bersesuaian yang dilengkapi dengan sistem kawalan paras air. Air yang berlebihan perlu dikeluarkan daripada petak tanaman. Ketika musim kemarau, air di dalam parit ladang perlu dikekalkan untuk mengelakkan tanah gambut menjadi kering dan mengecut.

Bersambung ke muka surat 12

????????? **Kuiz Sawit** ??????????

Pembaca *Warta Sawit* berpeluang memenangi wang tunai berjumlah RM 50.00 sekiranya berjaya menjawab lima soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya tiga penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat penyertaan

- Terbuka kepada semua pembaca *Warta Sawit* kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB);
- Sila tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau taip;
- Tarikh tutup penyertaan pada **29 Februari 2012**; dan
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar jawapan anda berserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas dan lengkap kepada:

Kuiz Warta Sawit
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
u/p: Che Nurul Syuhadah Che Kamarudin
Unit Pengembangan dan Latihan
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

- 1) Namakan Skim yang diperkenalkan oleh MPOB di bawah Program NKEA untuk menggalakkan pekebun kecil menanam sawit.
- 2) Namakan tajuk kertas seminar yang dibentangkan semasa Program Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit di Ranau, Sabah.
- 3) Apakah tujuan menanam kekacang penutup bumi di kawasan sawit pada peringkat pra matang dan berapakah jarak tanaman kekacang yang disyorkan?
- 4) Bilakah akar Tongkat Ali akan mula dituai dan apakah serangga perosak yang kerap menyerang pokok tersebut di ladang sawit?
- 5) Selain terlibat dalam bidang pertanian dan penternakan, apakah aktiviti lain yang diusahakan oleh Hj Damit dan berapakah hasil buah tandan segar (BTS) kebun beliau pada 2009?

***DAPATKAN JAWAPAN UNTUK SOALAN KUIZ BERDASARKAN ARTIKEL
DALAM *WARTA SAWIT* BIL. 47 (1)/JANUARI-APRIL 2011.**



PUDING ROTI BERKISMIS



Bahan

- 1 buku roti (420 g)
- 1 liter susu rendah lemak (UHT)
- 6 biji telur
- ¼ cawan marjerin berasaskan minyak sawit
- ¾ cawan gula perang/kasar
- ½ cawan kismis
- ½ sudu teh esen vanila

Cara Membuat

1. Ambil sebuah mangkuk besar dan masukkan kepingan roti ke dalamnya.
2. Tuang susu ke atas roti dan rendam roti hingga lembut.
3. Pukul marjerin dengan gula di dalam bekas yang berasingan.
4. Masukkan telur dan kacau rata.
5. Campur adunan marjerin, gula dan telur ke dalam rendaman roti dan kacau.
6. Masukkan esen vanila dan kacau.
7. Masukkan kismis dan kacau hingga sebati.

8. Tuang ke dalam bekas tahan panas berukuran 22 cm x 22 cm atau loyang pembakar yang sesuai.
9. Bakar pada suhu 175°C hingga masak (satu jam).
10. Sejukkan puding.
11. Potong untuk dihidangkan.

PENGUMUMAN

Para pembaca dipelawa untuk menghantar bahan sumbangan bagi Sudut Kreatif Sawit. Bahan sumbangan boleh meliputi resipi, gubahan atau barangan kreatif berasaskan bahan sawit atau menggunakan bahan buangan sawit. Setiap sumbangan hendaklah disertakan gambar bersama keterangan yang lengkap. Pembaca juga hendaklah menyertakan nama penuh, alamat dan nombor telefon untuk dihubungi. Sumbangan yang terpilih dan tersiar dalam Warta Sawit akan menerima cenderamata khas daripada MPOB

Sumber: NOR AINI IDRIS (2005). *Seri Sawit - Koleksi Resepi dari Berita Sawit*. MPOB, Bangi, Selangor.

SEMBANG SAWIT



SEDUTAN AKHBAR

Tajuk : PROJEK BIOMASS MANFAAT SISA SAWIT

Tarikh : Berita Harian, 19 Mei 2011

Malaysia akan menjalankan projek biomas dengan menggunakan sisa daripada industri sawit sebagai bahan untuk menjana kuasa elektrik, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, bahan biomas daripada sisa sawit itu juga boleh digunakan untuk menghasilkan produk lain seperti gula malah vaksin.

Beliau berkata, syarikat teknologi Amerika Syarikat yang mempunyai kemampuan untuk melabur dan menghasilkan produk daripada bahan biomas sisa sawit akan ditemukan dengan syarikat Malaysia bagi memberi keuntungan kepada negara ini yang merupakan pengeluar minyak sawit terbesar dunia.

Tajuk : 25 TEKNOLOGI TAMBAH PENGELUARAN SAWIT

Tarikh : Berita Harian, 24 Jun 2011

Bangi - Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) semalam melancarkan 25 teknologi serta 14 lagi perkhidmatan baru bagi meningkatkan prestasi pengeluaran sawit negara dengan menggalakkan pengusaha industri sawit dan usahawan tempatan mengkomersialkan komoditi itu yang dikenal pasti sektor pemangkin pertumbuhan ekonomi negara.

Antara teknologi dan perkhidmatan baru itu termasuk penghasilan baja bio organik, kawalan *Ganoderma*, kawalan anai-anai, formula oleokimia, jentera ladang, integrasi tanaman sawit, penggunaan teknologi hijau dan teknologi pemprosesan serta pengilangan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata, usaha berterusan MPOB mengkomersialkan teknologi baru ini menjadi pendekatan strategik bagi meningkatkan kadar pengkomersialan teknologi industri sawit sebanyak 30.1% atau RM 2.05 bilion daripada nilai pasaran.

Tajuk : TANAM SEMULA SAWIT

Tarikh : Utusan Borneo, 15 Julai 2011

Lundu - Pekebun kecil sawit khususnya di Sarawak digesa menanam semula pokok sawit yang sudah berusia lebih 25 tahun menerusi program yang telah disediakan di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata, sebanyak RM 297 juta diperuntukkan dalam bantuan untuk menanam semula sawit bagi tempoh 2011 hingga 2013.

"Pokok sawit tua kini menjangkau keluasan 449 415 ha dengan 109 083 ha daripadanya diusahakan oleh pekebun kecil yang perlu ditanam semula", katanya pada program Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit di sini.

Tajuk : HENTI LABEL DISKRIMINASI

Tarikh : Harian Metro, 25 Julai 2011

Kuala Lumpur - Persatuan Pekebun Kecil Kebangsaan (NASH) menggesa kerajaan Australia tidak meneruskan cadangan untuk menggunakan label minyak sawit bagi menggantikan minyak sayuran bagi produk keluaran negara yang disifatkan sebagai diskriminasi dan mampu menggugat pendapatan golongan itu.

Tinjauan di hadapan bangunan kedutaan negara itu semalam, mendapati kira-kira 60 wakil NASH berhimpun sambil memegang sepanduk antara lain berbunyi implikasi negatif terhadap minyak sawit dan tindakan penukaran label diskriminasi minyak sawit.

Turut kelihatan beberapa pegawai dan anggota polis menjaga keselamatan di sekitar bangunan itu bagi mengelak sebarang insiden tidak diingini.

Presiden NASH, Datuk Aliasak Ambia berkata, seramai kira-kira 240 000 pekebun kecil akan terjejas jika cadangan itu diluluskan kerana beliau difahamkan penggunaan label itu akan membezakan produk keluaran negara ini berbanding produk negara lain.

Bersambung ke muka surat 12

Sambungan dari muka surat 11

Tajuk : **SASAR 1150 STESEN MINYAK SEDIA PROGRAM B5**

Tarikh : **Berita Harian, 2 Ogos 2011**

Seremban - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi mensasarkan 1150 stesen minyak di seluruh negara akan menyediakan perkhidmatan Biodiesel Sawit Adunan B5 (Program B5) menjelang akhir tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Hamzah Zainuddin, berkata sejak pelancaran pada 1 Jun lalu, terdapat 269 stesen minyak iaitu enam di Putrajaya, Melaka (107) dan Negeri Sembilan (156) menyediakan perkhidmatan itu.

Katanya, sebanyak 247 stesen minyak di Kuala Lumpur akan melaksanakan Program B5 mulai 1 September ini, diikuti Selangor sebanyak 634 pada 1 Oktober depan.

"Penggunaan B5 terbukti sesuai untuk kegunaan kenderaan berenjin diesel apabila kajian kementerian bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menunjukkan ia berjaya mengurangkan sebanyak 50% pelepasan gas rumah hijau."

Sambungan dari muka surat 8

Di samping itu, tanaman integrasi yang diusahakan perlu diselenggarakan mengikut amalan pertanian yang baik. Pengapuran perlu diberi perhatian terutamanya bagi jenis tanaman yang kurang tahan kepada keadaan tanah gambut yang masam. Kadar dan kekerapan pengapuran perlu sesuai kerana tahap kemasaman tanah gambut lebih tinggi berbanding di tanah mineral. Ketersediaan nutrien kepada tanaman integrasi akan menjadi lebih tinggi dengan adanya pengapuran. Ia akan membantu pengambilan baja yang diberikan kepada tanaman. Jenis dan kuantiti baja yang digunakan juga perlu sesuai memandangkan tanah gambut secara semulajadi kekurangan nutrien makro dan mikro seperti N, K, Cu, Bo, Zn dan Fe.

Selain faktor di atas, pemilihan jenis tanaman integrasi yang sesuai juga penting. Selain sesuai dengan tanah gambut, tanaman yang dipilih mestilah tepat dengan kehendak pasaran supaya tidak timbul masalah pemasaran kelak.

Permintaan terhadap bahan mentah seperti ubi kayu dan pisang tanduk adalah tinggi terutama di lokasi yang terlibat dengan industri kecil dan sederhana seperti dalam pembuatan kerepek. Ada juga di kalangan para usahawan kerepek yang membuat kontrak belian hasil ladang bagi ubi kayu dan juga pisang tanduk yang diusahakan oleh pekebun kecil sawit. Kaedah ini dapat memberi jaminan pasaran terhadap hasil tanaman integrasi pekebun kecil.

Kesimpulannya, integrasi tanaman dengan sawit di tanah gambut sesuai dilaksanakan sebagai kaedah untuk memaksimumkan penggunaan tanah dan pendapatan. Pertumbuhan tanaman integrasi dan juga sawit akan terjamin dengan mengamalkan amalan pertanian yang baik untuk tanah gambut. Di samping itu, perancangan yang rapi dalam aspek pemasaran hasil tanaman integrasi akan dapat memberikan pulangan yang lumayan kepada pengusaha tanaman integrasi di tanah gambut.



Sumbangan:
Raja Zulkifli Raja Omar
(rajazul@mpob.gov.my)

TAHUKAH ANDA?

SEMBURAN UDARA *Bacillus thuringiensis* (Bt) BAGI KAWALAN ULAT BUNGKUS

Bacillus thuringiensis (Bt) adalah sejenis bakteria gram positif yang boleh menghasilkan protein kristal yang mampu membunuh serangga perosak seperti ulat bungkus. Bt adalah bioinsektisid yang selamat digunakan dan tidak membahayakan manusia, haiwan dan juga serangga berfaedah bukan sasaran. Ia juga tidak mencemarkan alam sekitar.

Salah satu punca serangan ulat bungkus merebak adalah disebabkan oleh penggunaan racun serangga kimia yang meluas. Tanpa pengawasan dan kawalan rapi, serangan ulat bungkus berkemungkinan merebak ke ladang berdekatan. Bt merupakan sejenis formulasi bakteria sebagai racun biologi yang khusus terhadap serangga sasaran (ulat bungkus) dan paling sesuai bagi mengurangkan penggunaan kimia dalam program pengawalan ulat bungkus bersepadu (IPM).

Penggunaan produk Ecobac-1 (EC), keluaran Pusat Teknologi Mikrob (MICROTEC) MPOB adalah kaedah terbaik apabila keluasan tanaman sawit yang diserang melebihi 400 ha. Dengan kaedah semburan udara, kawasan tanaman seluas 760 ha dapat dirawat dengan Bt dalam sehari. Pesawat yang digunakan diisi dengan 1200 liter Ecobac-1 (EC) terlarut (Rajah 1a dan b) bagi semburan udara di kawasan berkeluasan 40 ha (Rajah 2). Dos Ecobac-1 (EC) yang digunakan adalah sebanyak 1 liter untuk kawasan seluas 1 ha. Selain semburan udara, Bt juga boleh diaplikasi melalui semburan wasap menggunakan *turbomist blower* atau alat semburan kabus bagi kawasan melebihi 40 ha.

Semburan udara disyorkan bagi peringkat awal ulat bungkus *Pteroma pendula* seperti peringkat larva pertama dan kedua. Ini kerana larva peringkat ketiga dan keempat agak sukar dikawal. Bt yang disembur akan dimakan oleh serangga perosak. Serangga perosak yang memakan Bt akan mati kerana septisemia atau kebuluran. Ini menjelaskan mengapa aplikasi Bt

hanya sesuai dijalankan pada serangga perosak peringkat larva sahaja kerana pada peringkat ini ia makan paling aktif. Bagi ulat bungkus *Pteroma pendula* dan *Metisa plana*, kawalan menggunakan Bt paling sesuai dijalankan pada peringkat larva instar 1-3.



Rajah 1a. Pengisian Ecobac-1 (EC) ke tangki kapal terbang.



Rajah 1b. Pengisian Ecobac-1 (EC) dari drum utama ke drum berwarna biru.



Rajah 2. Semburan udara Ecobac-1 (EC) menggunakan kapal terbang.

Bersambung ke muka surat 21

Berita Bergambar



Tan Sri Bernard Dompok, Menteri KPPK (tengah) menyampaikan replika kupon Bantuan Skim Tanam Semula Sawit kepada pekebun kecil sempena Majlis Pelancaran Koperasi Penanam Sawit Mampam Kuala Selangor Selatan anjuran MPOB pada 10 Mei 20011. Turut kelihatan Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB, (dua dari kanan) dan Tn Hj Idris Omar, Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan MPOB.

Tan Sri Bernard Dompok, Menteri KPPK, diiringi oleh Dato' Hamzah Zainuddin, Timbalan Menteri KPPK (paling kiri); Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB dan Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB, semasa Majlis Pelancaran Penggunaan B5 di Wilayah Tengah, Putrajaya pada 2 Jun 2011.



Pegawai Penyelidik MPOB (kanan) memberikan penerangan kepada Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, Pengerusi MPOB (tengah) sambil diperhatikan Tan Sri Bernard Dompok, Menteri KPPK (dua dari kanan) dan Datuk Dr Choo Yuen May, Ketua Pengarah MPOB (dua dari kiri) semasa melawat tapak pameran sempena Seminar Pemindahan Teknologi (ToT) MPOB pada 23 Jun 2011.



Pegawai TUNAS MPOB yang baru dilantik bergambar kenangan bersama Tn Hj Idris Omar, Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan (tengah); Tn Hj Hamdan Abu Bakar, Ketua Unit Pengembangan dan Latihan (empat dari kiri) dan Tn Hj Khairuman Hashim, Ketua Kumpulan TUNAS (enam dari kiri) sempena Kursus Sawit bagi Pegawai TUNAS Baru MPOB siri pertama pada 4-8 Julai 2011 yang diadakan di Hotel Oriental Crystal, Kajang, Selangor.



Sesi pertunjukan kaedah penakaian anak benih oleh Pegawai TUNAS Kawasan Seri Iskandar sempena Program Ahli Kelab 30 Tan Zon Utara 1 yang diadakan di D'Chalet Kg Sitiawan, Kg Seberang Parit, Sitiawan, Perak pada 26 Julai 2011.

Peserta kursus sedang mendengar penerangan yang disampaikan oleh pegawai MPOB semasa sesi pertunjukan kaedah sempena Kursus Penuaian Sawit yang diadakan di ladang Pertubuhan Peladang Kawasan Beruas, Perak pada 26 Julai 2011.



Sebahagian peserta yang hadir sempena Majlis Pelancaran Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Beluran, Sabah pada 11 Julai 2011 yang telah disempurnakan oleh Tan Sri Bernard Dompok, Menteri KPPK.

En Aknan Ehtook, Setiausaha Bahagian Penyelidikan Inovasi dan Modal Insan, KPPK (dua dari kanan) menyampaikan cenderahati kepada pekebun kecil daerah Jerantut sambil diperhatikan oleh (dari kiri) Tuan Mohamad Tuan Muda, Pengarah Bahagian Perkembangan dan Pembangunan, Lembaga Getah Malaysia (LGM); Datuk Lau Lee, ADUN Damak dan Tn Hj Ahmad Sidek Stroo, Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB sempena program Hello Commodity yang diadakan di Dewan Majlis Daerah Jerantut, Pahang pada 19 Mei 2011.



IKLAN

MPOB mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk mengiklankan perniagaan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan sektor pekebun kecil sawit dalam *Warta Sawit*. Kos untuk pengiklanan bagi saiz A4 (halaman dalam berwarna) adalah RM 800 manakala saiz A4 (halaman belakang) adalah RM 1000. Diskaun 20% diberikan kepada syarikat yang membuat tempahan iklan untuk tiga keluaran berturut-turut. Semua cek adalah atas nama 'Ketua Pengarah MPOB'. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Nur Hanani Mansor
(Tel: 03-8769 4257)
nurhanani@mpob.gov.my

atau

Che Nurul Syuhadah Che Kamarudin
(Tel: 03-8769 4650)
shuhadah@mpob.gov.my

Faks: 03-8925 9642

Tarikh akhir pesanan iklan dalam *Warta Sawit* adalah seperti berikut:

Bil.	Keluaran	Tarikh akhir tempahan dan penghantaran filem dan cek
47/2011	Jan – Apr 2011	31 Mac 2011
48/2011	Mei – Ogos 2011	31 Julai 2011
49/2011	Sep – Dis 2011	31 Nov 2011

Slip Tempahan

Ketua Pengarah MPOB
6, Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
U/P: Pn Nur Hanani Mansor – Unit Pengembangan dan Latihan
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Syarikat kami berminat untuk menempah iklan dalam *Warta Sawit* MPOB. Sila tandakan (✓) dalam kotak berkenaan:

<input type="checkbox"/> Halaman dalam (warna)	<input type="checkbox"/> (satu keluaran) RM 800	<input type="checkbox"/> (tiga keluaran) RM 1920
<input type="checkbox"/> Kulit belakang (warna)	<input type="checkbox"/> RM 1000	<input type="checkbox"/> RM 2400

Nama Syarikat:	
Alamat:	No. Tel:
	No. Faks:
Nama Pegawai:	
E-mel:	<i>Warta Sawit</i> Bil:

Tandatangan

Tarikh

DIARI & PERISTIWA

MEI - OGOS 2011

Program	Tarikh	Tempat	Bilangan peserta (orang)
Taklimat Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK), Skim Tanaman Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dan Skim Diskaun Cantas™ (SKIDIC)	04/05/2011	Dewan Sg Pergam, Bagan Datoh, Perak	48
	04/05/2011	Dewan Pusat Kemajuan Peladang, Chenderong Balai	40
	04/05/2011	Balai Raya Bukit Kerayong, Jeram, Selangor	31
	04/05/2011	Kg Asam Jawa, Selangor	17
	05/05/2011	Dewan Serbaguna PPK Bernas Baling dan Jitra, Kedah	20
	12/05/2011	Dewan Orang Ramai Ampar Tenang, Dengkil, Selangor	54
	12/05/2011	Kg Bukit Belimbing, Selangor	40
	13/05/2011	Perkarangan Masjid FELDA Leping Nenering, Perak	15
	18/05/2011	Balai Raya Bukit Batu Kg Sri Paya, Kluang, Johor	50
	21/05/2011	Kg Tebuk Panchur, Gunung Semanggol, Perak	17
	24/05/2011	Bilik Mesyuarat Stesen Penyelidikan MPOB UKM, Bangi	19
	26/05/2011	Balai Raya Kg Paya Layang-Layang Kulai, Johor	40
	28/05/2011	Balai Raya FELDA Sendayan, Negeri Sembilan	33
	16/06/2011	Kg Toniting Beluran, Sabah	25
	12/07/2011	Pitas dan Kudat, Sabah	590
	13/07/2011	Dewan Hj Hashim, Kg Pt. Tengah Sri Merlong Rengit, Johor	294
	18/07/2011	Kunak, Sabah	153
	21/07/2011	Semporna, Sabah	30
	22/07/2011	Balai Raya Kg Paus, Ranau, Sabah	84
	12/08/2011	Dewan Ladang 3 <i>Oil Palm Estate</i> , Miri, Sarawak	40
	23/08/2011	PLASMA MPOB Lahad Datu, Lahad Datu, Sabah	159 71
	24/08/2011	Selangau, Sarawak	147
	24/08/2011	Kinabatangan, Sabah	112
25/08/2011	Simunjan dan Telupid, Sabah	84	

Sambungan dari muka surat 18

Kursus Sehari untuk Agen Pengembangan	23-25/05/2011	FELDA Residence Tekam, Jerantut, Pahang	25
	13-14/06/2011	Kompleks CCM Fertilizers, Shah Alam, Selangor	15
Sehari bersama Ahli Kelab 30 Tan	08/06/2011	Balai Raya Kampung Telekung, Kuala Krai, Kelantan	50
	26/07/2011	D'Chalet Kg Sitiawan, Sitiawan, Perak	40
Pemimpin bersama Pekebun Kecil Sawit	22/05/2011	Dewan Majlis Beluran, Telupid, Sabah	115
	04/06/2011	Auditorium UNITEN Muadzam Shah, Pahang	500
Lawatan Sambil Belajar	16/06/2011	Ibu Pejabat MPOB, Bangi	80
